



UNTUK SIARAN AKHBAR

SME Corp. Malaysia tawar Dana Kecemasan PKS untuk bangunkan semula perniagaan terjejas banjir

Kuala Lumpur, 11 Januari 2015 – SME Corp. Malaysia menawarkan bantuan Dana Kecemasan PKS (SMEEF) bagi mengurangkan beban kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat dengan musibah banjir. Dana ini membolehkan PKS membangunkan semula perniagaan mereka melalui pembelian mesin baharu dan terpakai, modal kerja serta ubahsuai premis.

Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata bahawa SME Corp. Malaysia amat prihatin dengan PKS yang terjejas teruk akibat banjir, terutamanya usahawan di Kelantan, Johor, Pahang, Perak dan Terengganu. Sehubungan itu, SME Corp. Malaysia telah memperuntukkan dana sebanyak RM10 juta dalam bentuk geran serta pinjaman mudah bagi tujuan ini, dengan kerjasama Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF). Daripada 10 juta dana yang diperuntukkan, 2 juta adalah geran yang diuruskan oleh SME Corp. Malaysia manakala baki 8 juta adalah dalam bentuk pinjaman mudah yang diuruskan oleh pihak MIDF.

Menurut Dato' Sri Mustapa, bantuan kewangan SMEEF ini adalah dalam bentuk hybrid, iaitu gabungan geran dan pinjaman mudah. Setiap syarikat PKS boleh memohon bantuan kewangan sehingga maksimum RM100,000, merangkumi maksimum RM20,000 bagi geran serta RM80,000 bagi pinjaman mudah.

Berikut adalah butiran lanjut berkaitan cara permohonan, skop serta syarat-syarat kelayakan.

| BUTIRAN DANA | PENERANGAN |
|--|---|
| a. Bantuan kewangan sehingga maksimum RM100,000 bagi setiap syarikat PKS | <p>Dalam bentuk hybrid, iaitu gabungan geran dan pinjaman mudah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Geran</u> : maksimum RM20,000 <ol style="list-style-type: none"> a. berasaskan konsep pra-kelulusan dan pembayaran semula; b. Syarikat PKS boleh memilih untuk membuat permohonan tuntutan sama ada sekali ataupun dua kali (50% + 50%) kepada SME Corp. Malaysia; dan c. Jika syarikat PKS memilih untuk membuat dua kali tuntutan, kedua-dua permohonan tersebut perlu dihantar dalam tempoh SATU tahun dari kejadian berlaku bencana banjir. 2. <u>Pinjaman Mudah</u> : maksimum RM80,000 <ol style="list-style-type: none"> a. bantuan kewangan adalah dalam bentuk pinjaman mudah jangka tetap sejumlah minimum RM50,000 sehingga maksimum RM80,000; b. Separuh daripada pembiayaan akan diberikan semasa syarikat PKS mendapat kelulusan manakala baki akan diberikan selepas pihak MIDF Malaysia menerima inbois daripada pemohon; dan c. Kadar keuntungan atau faedah tiga peratus setahun dikenakan dan tempoh pembayaran semula hingga lima tahun tidak termasuk tempoh tangguh sehingga enam bulan. |
| b. Skop | <ol style="list-style-type: none"> i) <u>Geran</u>: <ul style="list-style-type: none"> • Untuk kos pengubahsuaian premis <ul style="list-style-type: none"> ➢ Lekapan elektrik (yang dipasang di dalam premis) / <i>Distribution Board Switchboard</i> ➢ Perabot (lekapan yang dipasang di dalam premis); dan ➢ Lantai/Dinding/Pintu. • membaiki mesin/peralatan (yang berkaitan dengan aktiviti teras perniagaan) yang rosak disebabkan banjir ii) <u>Pinjaman</u>: <ul style="list-style-type: none"> • Untuk modal kerja termasuk bahan mentah, tidak termasuk gaji dan sewaan; • Pembelian mesin/peralatan; dan • pengubahsuaian premis disebabkan banjir. |

| | |
|----------------------|---|
| c. Syarat kelayakan | <p>i. Syarikat pemohon mesti memenuhi definisi PKS;</p> <p>ii. Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1960 atau didaftarkan dalam Ordinan Perniagaan 1956;</p> <p>iii. memiliki lesen premis sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);</p> <p>iv. Memberikan bukti bahawa syarikat PKS tersebut adalah terjejas dengan bencana banjir:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat yang dikeluarkan oleh pegawai daerah* ; • Laporan pengesahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat SME Corp. Malaysia* ; dan • Sesalinan laporan polis sebagai bukti akibat bencana alam. <p>*Dikeluarkan oleh Pejabat Negeri SME Corp. Malaysia yang berkaitan</p> |
| d. Tempoh permohonan | Permohonan terakhir yang diterima mestilah tidak melebihi daripada dua (3) bulan selepas Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengisytiharkan bahawa kawasan tersebut adalah bebas daripada bencana alam. |

Dato' Sri Mustapa menambah bahawa permohonan dana SMEEF ini adalah terbuka bukan sahaja kepada PKS yang terbabat dengan banjir dan ribut, bahkan juga PKS yang terjejas akibat hakisan pantai serta tanah runtuh.

Sehingga 31 Disember 2014, SME Corp. Malaysia telah meluluskan sebanyak 70 permohonan bagi SMEEF berjumlah hampir RM673,000. Bagi pinjaman mudah Skim Dana Bantuan Banjir (Scheme Flood Assistance Fund atau "SFAF") yang diuruskan oleh MIDF pula telah meluluskan 79 permohonan yang berjumlah RM6.19 juta.

Bagi membantu PKS memohon dana SMEEF ini, PKS boleh menghubungi atau mengunjungi pejabat negeri SME Corp. di Semenanjung untuk sebarang pertanyaan, mendapatkan borang mahupun menghantar borang permohonan yang telah lengkap.

Borang permohonan SMEEF boleh dimuat-turun di www.smecorp.gov.my atau hubungi Pejabat-pejabat Negeri SME Corp. Malaysia seperti di bawah:

| No. | Negeri | Alamat | Telefon |
|-----|-----------------|--|-----------------|
| 1 | Perlis & Kedah | Aras 5, East Wing, Menara Bina Darulaman Berhad, No. 88, Lebuhraya Darul Aman 05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman | 04-7316264/6303 |
| 2 | Perak | Aras 9, Perak Techno-Trade Centre (PTTC) Bandar Meru Raya, Off Jalan Jelapang 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan | 05-529 1621 |
| 3 | Negeri Sembilan | Suite 13.03, 13.04 & 13.05, Tingkat 13, Menara MAA, 70200 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus | 06-763 5264 |
| 4 | Melaka | Aras 3, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka | 06-232 7512 |
| 5 | Johor | Tingkat 11, Lot 06, Menara TH, Jalan Ayer Molek, 80720 Johor Bahru, Johor Darul Takzim | 07-221 4815 |
| 6 | Pahang | Suite 9.01 & 9.02, Tingkat 9, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur | 09-512 6677 |
| 7 | Terengganu | Wisma UMNO Kuala Terengganu Lot 3224, Jalan Masjid Abidin, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman | 09-631 7870 |
| 8 | Kelantan | Aras 5-B, Menara Pejabat, Kelantan Trade Centre, Jln. Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim | 09-7471606/1651 |

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pn. Raja Rozaila Azman di 03-2775 6203 (rozaila@smecorp.gov.my) atau Cik Marianne Edwina Santa Maria di 03-2775 6208 (marianne@smecorp.gov.my) atau En. Ahmad Mu'izz bin Moh Yusof di 03-2775 6275 (muizzyusof@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-2775 6000

Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

E-mel: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.